



SIARAN MEDIA

INSKEN LABUR RM5 JUTA PERKASA EKOSISTEM PERUSAHAAN SOSIAL

KUALA LUMPUR, 22 Mei – Institut Keusahawanan Negara Berhad (INSKEN), sebuah agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), telah melaburkan RM5 juta sejak tahun 2022 bagi memperkasa perusahaan sosial di Malaysia melalui pelbagai inisiatif pembangunan kapasiti, akses pasaran dan penarafan perusahaan sosial.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, YB Encik Steven Sim Chee Keong berkata, pelaburan tersebut dilaksanakan selepas INSKEN diberi mandat untuk menerajui pembangunan perusahaan sosial pada tahun 2022, selaras dengan usaha Kerajaan MADANI memperkukuh sektor tersebut sebagai antara pemacu ekonomi inklusif negara.

Menurut beliau, perusahaan sosial semakin penting dalam dunia yang berdepan ketidaktentuan geopolitik, krisis bekalan global dan perubahan sosial kerana model ini bukan sekadar mengejar keuntungan, tetapi turut mensasarkan penyelesaian kepada masalah masyarakat dan alam sekitar melalui pendekatan perniagaan yang kreatif dan mampan.

“Sebagai contoh, masyarakat yang semakin menua pada masa depan akan memerlukan lebih banyak perkhidmatan penjagaan komuniti dan sokongan sosial, yang juga boleh diterajui melalui model perusahaan sosial,” katanya.

Antara inisiatif yang dilaksanakan oleh INSKEN termasuk sesi libat urus bersama pemain industri, klinik penarafan perusahaan sosial, persidangan antarabangsa serta program pengukuhan jaringan dan akses pasaran di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Sehingga kini, seramai 3,875 peserta telah mendapat manfaat daripada pelbagai program dan inisiatif yang dilaksanakan oleh INSKEN.

Dalam tempoh dua suku tahun kebelakangan ini, INSKEN turut memperuntukkan RM200,000 bagi membantu 20 entiti perusahaan sosial memperluas pasaran dan impak kepada komuniti melalui peluang pembelian produk dan perkhidmatan, subsidi operasi, penyertaan acara serta padanan perniagaan strategik.

Pada masa sama, Steven Sim menggalakkan lebih banyak perusahaan sosial mendapatkan penarafan perusahaan sosial melalui INSKEN bagi meningkatkan kredibiliti serta akses kepada pembiayaan, pengecualian cukai, peluang penyertaan program dan pameran, serta pelbagai bentuk sokongan kerajaan.

Berdasarkan dokumen SEMy2030 dan kajian *The State of Social Enterprise in Malaysia* oleh *British Council*, dianggarkan terdapat 20,749 perusahaan sosial di Malaysia setakat tahun 2018.

Setakat ini, sebanyak 600 entiti perniagaan telah mendapat penarafan perusahaan sosial melalui INSKEN, terdiri daripada Tunas Perusahaan Sosial (Aspiring, 281 entiti), Perusahaan Sosial Asas (SE.Basic, 252 entiti) dan Perusahaan Sosial Diakreditasi (SE.Accredited, 67 entiti).

Menurut Viviantie Sarjuni, Ketua Pegawai Eksekutif INSKEN, usaha ini mencerminkan peranan INSKEN sebagai penggerak ekosistem dalam merapatkan jurang antara perusahaan sosial dan peluang pasaran sebenar.

Beliau berkata, INSKEN juga sedang beralih ke arah pendekatan mengarusperdanakan perolehan sosial agar ia menjadi amalan yang setara dengan perniagaan konvensional, sekali gus membantu perusahaan sosial menjadi lebih kompetitif, mampan dan bersedia untuk berkembang ke peringkat yang lebih luas.

Pada masa yang sama, pendekatan ini diharap dapat menjadi contoh kepada lebih banyak organisasi untuk melaksanakan perolehan berimpak yang bukan sahaja memberi nilai ekonomi, malah turut menyumbang kepada pembangunan sosial, kesejahteraan komuniti dan kelestarian alam sekitar.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

22 MEI 2026